2017

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

55 Mengukuhkan Struktur Pasaran

57 Menggalakkan Pengantaraan Dana Secara Berkesan dan Cekap untuk Menyokong Pertumbuhan Ekonomi

58 *Rencana: Pelan Sektor Kewangan*

61 Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Teguh

62 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Inklusif

65 Meningkatkan Kesalinghubungan Malaysia dengan Ekonomi Serantau dan Antarabangsa

66 Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa

68 *Rencana: Perkembangan Pesat Pengurusan Mudah Tunai dalam Kewangan Islam*

72 Mempertingkat Pendidikan dan Perlindungan Pengguna

73 Pembangunan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan

75 *Rencana: Cadangan Rangka Kerja Perundangan Baharu untuk Pengawalan dan Penyeliaan Kewangan*

Penstrukturan semula dan reformasi kewangan bersama-sama dengan pasaran kewangan yang lebih meluas selepas krisis kewangan Asia telah menyediakan asas yang kukuh yang telah menyokong prestasi sektor kewangan yang terus mantap dan berdaya tahan pada tahun 2011 di sebalik persekitaran luaran yang sukar. Ini membolehkan keutamaan pembangunan sektor kewangan dijurus ke arah pengukuhan potensi pertumbuhan jangka panjang Malaysia dengan menguatkan keupayaan sektor kewangan dalam pengantaraan dana bagi bidang pertumbuhan baharu dan menggalakkan hubungan kewangan serantau dan antarabangsa. Dalam usaha ini, pertimbangan terhadap kestabilan kekal sebagai perkara yang paling utama dengan kepentingan yang diberikan untuk memastikan tuntutan ekonomi untuk perkhidmatan kewangan baharu dapat dipenuhi tanpa menjejaskan kestabilan keseluruhan dan keyakinan terhadap sistem kewangan. Pada banyak tahap, Malaysia mempunyai prasyarat yang membolehkan sektor kewangan memenuhi tuntutan sektor ini. Ini termasuklah keupayaan kukuh institusi kewangan Malaysia untuk menyerap risiko, tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang bertambah baik, serta jaring keselamatan yang berkesan yang meliputi insurans deposit dan sistem pengawalan dan penyeliaan yang teguh. Bank terus mengukuhkan prasyarat ini apabila perlu untuk mencerminkan persekitaran yang berubah. Dalam beberapa bidang, seperti dalam meningkatkan keupayaan pengguna untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang lengkap dan memperluas bekalan tenaga mahir yang berkualiti tinggi, banyak usaha lagi yang perlu dilaksanakan yang melibatkan kerjasama dengan pihak yang berkepentingan untuk menangani kekurangan yang ada.

Pelan Sektor Kewangan, iaitu pelan strategik yang menyeluruh yang melakarkan hala tuju masa hadapan sistem kewangan Malaysia bagi tempoh 10 tahun akan datang, telah disiapkan dan diterbitkan pada bulan Disember 2011. Pelan tersebut bermatlamat untuk meletakkan sektor kewangan pada kedudukan yang membolehkannya melaksanakan peranan yang lebih penting bagi menyokong transformasi Malaysia ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Pelan Sektor Kewangan berlandaskan pencapaian daripada Pelan Induk Sektor Kewangan yang pertama dan mencakupi empat bidang umum, iaitu: (i) mengembangkan sektor kewangan yang terbaik untuk ekonomi Malaysia; (ii) meningkatkan hubungan kewangan serantau dan antarabangsa; (iii) memelihara kestabilan sistem kewangan; dan (iv) meningkatkan pendorong utama yang menyokong pembangunan sistem kewangan. Maklumat lanjut mengenai Pelan Sektor Kewangan ini boleh didapati dalam rencana: `Pelan Sektor Kewangan´.

Pelan Sektor Kewangan bermatlamat untuk meletakkan sektor kewangan pada kedudukan yang membolehkannya melaksanakan peranan yang lebih penting bagi menyokong transformasi Malaysia ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi

MENGUKUHKAN STRUKTUR PASARAN

Institusi perbankan terus melaksanakan peranan yang utama dalam sistem kewangan Malaysia, mencakupi anggaran 55% daripada jumlah aset sistem kewangan pada tahun 2011, iaitu secara relatifnya tidak berubah berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2011, penggabungan antara dua kumpulan perbankan domestik telah membentuk kumpulan perbankan yang keempat terbesar di Malaysia. Malaysia kini mempunyai lapan kumpulan perbankan domestik yang mencakupi 73% daripada aset sistem perbankan, manakala 23 bank milik asing yang beroperasi sebagai syarikat subsidiari yang diperbadankan di dalam negeri menguasai

selebihnya. Institusi perbankan di Malaysia bersaing dengan berkesan dalam pasaran, dengan lima kumpulan perbankan yang paling besar berkongsi 61.5% daripada jumlah aset sistem perbankan, iaitu pertumpuan yang tidak ketara mengikut perbandingan antarabangsa. Rangkaian produk yang luas ditawarkan dalam sektor perbankan, dan tahap saingan yang tinggi berterusan juga disaksikan pada tahun 2011 dari segi penentuan harga dan penawaran produk tersendiri, terutamanya dalam segmen runcit. Persaingan dalam sektor perbankan juga diperkukuh dengan adanya keperluan untuk bank membekalkan maklumat yang jelas mengenai produk kewangan yang setara antara institusi, dasar pembukaan cawangan yang lebih fleksibel serta kemasukan institusi baharu ke dalam pasaran sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Akta Persaingan 2010, yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 dan mentadbir syarikat dalam semua industri termasuk sektor kewangan, akan memperkukuh persekitaran yang mempunyai tahap persaingan yang wajar dalam sektor kewangan. Akta ini melengkapi usaha Bank untuk meningkatkan rangka kerja perlindungan pengguna secara keseluruhan di Malaysia dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan. Bank bekerja rapat dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia dengan matlamat untuk memastikan pelaksanaan yang lancar bagi Akta ini dalam sektor kewangan, dan khususnya, untuk memastikan agar implikasinya terhadap amalan yang sedia ada akan mengurangkan risiko terhadap industri dan akhirnya membawa kepada kesan yang lebih baik untuk pengguna melalui kos yang lebih rendah atau manfaat yang bertambah baik. Perkara yang penting di sini adalah objektifnya difahami dengan baik dan sejajar dengan objektif yang dikehendaki oleh Akta.

Dalam industri insurans, keperluan untuk mematuhi piawaian modal yang lebih tinggi di bawah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-based Capital Framework, RBC) telah mengukuhkan insentif untuk penggabungan dalam kalangan penanggung insurans, terutamanya dalam sektor insurans am. Tahun ini menyaksikan empat lagi skim penggabungan dan pengambilalihan yang telah diselesaikan, manakala perundingan yang melibatkan tiga syarikat insurans yang lain sedang berlangsung. Hasilnya, bilangan syarikat bersaiz kecil dalam industri insurans am semakin berkurang, menyumbang kepada persaingan yang lebih berkesan dan prospek daya maju yang lebih baik untuk penanggung insurans yang terkecil dalam industri. Secara kolektif, 20 penanggung insurans am yang terkecil kini mencakupi 47.2% daripada jumlah premium kasar dalam industri insurans am, peningkatan daripada 38% pada tahun 2010.

Keupayaan industri insurans am untuk terus menyokong permintaan terhadap perlindungan insurans liabiliti motor yang wajib untuk jangka panjang juga telah ditingkatkan dengan kelulusan rangka kerja perlindungan motor yang baharu

Keupayaan industri insurans am untuk terus menyokong permintaan terhadap perlindungan insurans liabiliti motor yang wajib untuk jangka panjang juga telah ditingkatkan dengan kelulusan rangka kerja perlindungan motor yang baharu pada tahun 2011, yang memberikan pendekatan yang holistik terhadap isu yang lama wujud mengenai herotan dalam penentuan harga dan ketidakcekapan yang berkaitan dengan proses penyelesaian tuntutan. Rangka kerja yang baharu, yang dibentuk melalui perundingan dengan pihak yang berkepentingan yang berkaitan, merangkumi 11 inisiatif, yang bertujuan untuk: (i) memperbaiki proses penyelesaian tuntutan yang dijangka dapat menyumbang kepada pengurusan kos tuntutan yang lebih baik; dan (ii) membenarkan pelarasan tahap premium secara berperingkat sepanjang tempoh empat tahun mulai pada bulan Januari 2012. Bagi memastikan akses yang berterusan oleh orang ramai kepada insurans motor dan pada masa yang sama menyokong keupayaan penanggung insurans untuk terus menyediakan perlindungan pada kadar premium pasaran yang dipersetujui dalam peralihan kepada rangka kerja yang baharu, Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP) telah diperkembangkan untuk menyediakan mekanisme bagi industri mengumpulkan bilangan risiko kereta persendirian dan motosikal yang semakin meningkat yang telah ditolak oleh penanggung insurans individu disebabkan oleh premium yang terlalu rendah, sebagai tambahan kepada fungsi semasanya sebagai penanggung insurans usaha akhir untuk ``risiko motor yang tinggi´´.

Menerusi MMIP, industri akan terus menyokong perlindungan bagi kenderaan yang tidak berisiko tinggi pada kadar premium pasaran, dan risiko ini tidak akan melibatkan premium yang lebih tinggi yang lazimnya dikenakan oleh MMIP sebagai penanggung insurans usaha akhir. Sebahagian lagi rangka kerja yang baharu ini ialah pusat panggilan 24-jam seluruh negara yang bakal ditubuhkan tidak berapa lama lagi untuk mempercepat proses penyelesaian tuntutan bagi mangsa kemalangan, selari dengan usaha yang berterusan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia untuk melaksanakan sistem elektronik bagi pemberitahuan, pengesahan dan pembayaran balik tuntutan kerosakan harta benda pihak ketiga. Secara kolektif, usaha ini akan memenuhi syarat yang ditetapkan untuk penyediaan insurans motor yang mampan dalam jangka masa yang lebih panjang.

MENGGALAKKAN PENGANTARAAN DANA SECARA BERKESAN DAN CEKAP UNTUK MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI

Pada tahun 2011, sektor kewangan terus melaksanakan fungsi pengantaraannnya dengan lancar untuk memenuhi pelbagai keperluan ekonomi. Jumlah pembiayaan terkumpul sektor perbankan meningkat sebanyak 13.6% kepada RM1,003.5 bilion pada akhir tahun 2011. Secara khususnya, dana terus ditujukan ke arah menyokong sektor perindustrian kecil dan sederhana (PKS) selaku pemacu penting pertumbuhan ekonomi, dengan pembiayaan PKS meningkat sebanyak 17.1% kepada RM165.4 bilion pada akhir tahun 2011. Perkara yang lebih penting ialah sokongan sektor kewangan terhadap PKS telah memberikan kesan yang besar dalam meningkatkan prospek kejayaan dalam kalangan PKS. Pada tahun 2011 sahaja, lebih 700 akaun PKS yang mempunyai jumlah nilai pembiayaan terkumpul sebanyak RM4.5 bilion dinaik taraf untuk menjadi akaun perusahaan besar. Syarikat dalam bidang pertumbuhan baharu dan industri inovatif juga terus menerima sokongan daripada sektor kewangan untuk memenuhi keperluan pembiayaan mereka.

Strategi yang menyeluruh telah diambil untuk mengukuhkan daya tahan institusi kewangan, membangunkan pasaran bon sebagai sumber pendanaan yang penting untuk sektor korporat, dan menambah baik infrastruktur untuk menyokong pengantaraan kewangan. Berlandaskan asas ini, inisiatif yang diambil pada tahun 2011 menjurus

Rajah 2.1

Pembiayaan Sistem Perbankan Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

kepada pembangunan keupayaan sektor kewangan dan persekitaran yang diperlukan oleh sektor kewangan dalam menyediakan penyelesaian kewangan yang akan memenuhi keperluan ekonomi dan demografi ekonomi baharu ini. Keutamaan penting adalah:

(i) Meningkatkan infrastruktur sokongan dan pengaturan keinstitusian untuk memenuhi keperluan kewangan dan pembangunan PKS;
(ii) Membangunkan keupayaan sektor kewangan untuk menyokong bidang pertumbuhan baharu dan industri inovatif; dan
(iii) Membangunkan rangka kerja pencen yang teguh untuk membolehkan isi rumah menguruskan keperluan kewangan persaraan mereka.

(i) Meningkatkan infrastruktur sokongan dan pengaturan keinstitusian untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan pembangunan PKS

Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd. (CBM) (dahulunya dikenali sebagai SME Credit Bureau Sdn. Bhd.) menyediakan akses kepada maklumat dan penarafan PKS untuk tujuan penilaian kredit. CBM telah melaksanakan peranan yang penting dalam menangani jurang maklumat yang berkaitan untuk menentukan keupayaan perniagaan untuk membuat pembayaran balik, satu faktor yang sebelum ini mengekang akses kepada pembiayaan untuk PKS. Biro ini, yang dimulakan oleh Bank dan Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC), boleh diakses oleh pembiaya, penjamin kredit dan rakan niaga PKS. Sejak memulakan operasi pada tahun 2008, 41 institusi kewangan dan 28,249 institusi bukan kewangan telah

Pelan Sektor Kewangan

Pelan Sektor Kewangan (Pelan) yang dilancarkan pada 21 Disember 2011, melakarkan hala tuju sektor kewangan dalam peralihan negara menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sejajar dengan mandat Bank di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan merangkumi semua, Pelan ini menyediakan wawasan bagi sektor kewangan ke arah memenuhi peranan sebagai pendorong, pemangkin dan pemacu pertumbuhan ekonomi.

Pelan Sektor Kewangan sebagai Pemangkin bagi Transformasi Sektor Kewangan
Sebagai asas kepada Pelan ini, Pelan Induk Sektor Kewangan (Financial Sector Masterplan, FSMP), yang dilancarkan pada tahun 2001, menggariskan hala tuju pembangunan sektor kewangan yang teratur: bermula dengan pembangunan institusi dan infrastruktur, diikuti dengan pengenalan persaingan yang lebih sengit melalui penyahkawalseliaan berserta pengukuhan penyeliaan, dan berakhir dengan liberalisasi dan integrasi antarabangsa yang lebih meluas. FSMP juga memberikan tahap kepastian pengawalseliaan tinggi yang mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi institusi kewangan untuk membuat pelaburan jangka panjang dalam pembinaan keupayaan dan usaha niaga strategik. Ini telah menghasilkan sektor kewangan yang lebih dinamik dan berdaya tahan pada hari ini, dengan tadbir urus korporat, amalan pengurusan risiko yang lebih baik, dan daya saing dan kecekapan yang lebih tinggi.

Berlandaskan pencapaian FSMP ini, Pelan ini melangkaui pendekatan berasaskan sektor yang diterapkan dalam FSMP kepada pendekatan yang mencerminkan sektor kewangan yang lebih bersepadu dengan peningkatan kesalinghubungan merentas sektor serta sempadan. Saranan dalam Pelan ini bertumpu pada imperatif strategik utama bagi transformasi Malaysia ke arah menjadi ekonomi yang bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Pendekatan ini beralih daripada menggunakan segmentasi struktur tradisional dan menggalakkan kesalinglengkapan antara komponen yang berbeza dalam sistem kewangan, dengan perlindungan yang wajar, untuk memupuk ekosistem yang kondusif bagi sektor kewangan yang teguh. Pelan menjangkakan bahawa peserta dalam sistem kewangan akan memainkan peranan yang jauh lebih penting dalam merealisasikan wawasan untuk mewujudkan sektor kewangan yang lebih berdaya saing, dinamik, inklusif, pelbagai dan bersepadu. Dalam menerapkan pendekatan baharu ini, kesinambungan tujuan dikekalkan dalam Pelan untuk memberikan hala tuju yang jelas bagi merangsang transformasi landskap kewangan negara sepanjang dekad akan datang.

Bidang Tumpuan di bawah Pelan
Sembilan hasil strategik yang dihasratkan di bawah Pelan yang menyediakan rangka kerja bagi saranan khusus ialah:

- Menyokong transformasi Malaysia menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi melalui **pengantaraan dana yang berkesan dan cekap** ke arah memenuhi keperluan perniagaan dan isi rumah yang baharu dan lebih pelbagai;
- **Membangunkan pasaran kewangan Malaysia** untuk memenuhi keperluan pendanaan, pelaburan dan pengurusan risiko bagi ekonomi yang lebih maju dan bersepadu pada peringkat antarabangsa;
- Memastikan semua anggota masyarakat, termasuk golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, **mendapat akses kepada, dan menggunakan perkhidmatan kewangan asas yang berkualiti serta mampu dibayar** demi kesejahteraan bersama yang lebih meluas;
- **Mengukuhkan integrasi kewangan serantau dan antarabangsa** melalui sektor kewangan yang lebih terbuka, berdaya saing dan pelbagai, dengan kesalinghubungan yang lebih meluas di rantau ini;
- **Menambah baik ekosistem kewangan Islam** untuk menyokong jumlah aliran kewangan Islam antarabangsa yang semakin meningkat;
- Mengekalkan keberkesanan **rejim pengawalseliaan dan penyeliaan** yang memelihara kestabilan kewangan dan menggalakkan daya tahan institusi kewangan dalam landskap yang lebih dinamik dan bersepadu pada peringkat antarabangsa;
- **Mempercepat perpindahan kepada pembayaran elektronik** sebagai pengantara utama bagi urus niaga kewangan di Malaysia;

- **Memperkasakan pengguna kewangan** melalui pendidikan kewangan yang berkesan dan mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna; dan
- **Memastikan bekalan tenaga mahir yang mencukupi** bagi sektor kewangan yang dinamik dan inovatif.

Pelan ini mengemukakan 69 saranan dan lebih daripada 200 inisiatif yang menyokong hasil strategik ini. Inisiatif yang akan diutamakan ialah inisiatif yang menangani prasyarat, perlindungan, atau persekitaran kondusif yang diperlukan untuk memastikan kejayaan saranan yang lain di bawah Pelan. Pada tahun 2012, keutamaan akan diberikan kepada inisiatif berikut:

- Menjalankan kajian semula yang komprehensif terhadap rangka kerja perundangan untuk memastikan undang-undang pengawalseliaan kekal relevan dalam landskap yang baru muncul. Kajian ini termasuklah perlindungan yang mencukupi untuk menyokong liberalisasi sektor kewangan dan integrasi kewangan yang lebih meluas;
- Mengukuhkan lagi infrastruktur kewangan untuk menyokong pengantaraan yang berkesan, termasuk penambahbaikan terhadap rangka kerja maklumat kredit dan pembentukan platform untuk menambah baik aliran maklumat;
- Meningkatkan peranan institusi kewangan dan pasaran modal dalam memberikan pembiayaan modal risiko untuk menyokong bidang pertumbuhan baharu dengan kerjasama agensi yang berkaitan;
- Meluaskan rangkaian produk dan penyertaan dalam pasaran pertukaran asing dan wang, melalui instrumen baharu, langkah pertukaran asing yang memudahkan dan platform urus niaga yang lebih meluas;
- Menyokong inisiatif untuk menggalakkan integrasi kewangan serantau, termasuk membangunkan rangka kerja yang komprehensif supaya institusi kewangan ASEAN berkembang dengan teratur di rantau ini;
- Mempercepat pembangunan saluran inovatif, seperti perbankan ejen dan perbankan mudah alih bagi memastikan jangkauan perkhidmatan kewangan yang lebih luas;
- Mengukuhkan infrastruktur sistem pembayaran dan melaksanakan reformasi penentuan harga bagi memantapkan insentif untuk perpindahan kepada pembayaran secara elektronik;
- Menubuhkan jawatankuasa pihak berkuasa yang berkaitan untuk menggubal dan melaksanakan undang-undang kredit pengguna yang baharu; dan
- Menubuhkan Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan untuk memberikan tumpuan dan penyelarasan yang lebih baik terhadap pembangunan tenaga mahir bagi menyokong pembangunan sektor kewangan.

Hasil daripada perbincangan yang diadakan semasa membangunkan Pelan ini, Bank akan terus mempertingkat interaksinya dengan pihak yang berkenaan, melalui saluran formal dan tidak formal, dalam melaksanakan Pelan ini. Sememangnya, dalam banyak perkara, kerjasama rapat dan sokongan industri, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan lain termasuk pengguna, sangat penting demi kejayaan Pelan.

mendaftar untuk menjadi ahli CBM. Lebih 370,000 laporan telah dijana oleh CBM untuk memudahkan penilaian kredit yang lebih berkesan dan penjimatan masa yang ketara (hingga sebanyak 75%) bagi proses kelulusan pinjaman dan jaminan. Pada bulan Oktober 2011, CBM turut melancarkan sistem Pemantauan Kredit Kendiri untuk membolehkan PKS memantau sendiri prestasi kredit mereka, justeru menggalakkan budaya kredit yang kukuh dan kelakuan pembayaran balik yang baik dalam kalangan PKS yang seterusnya meningkatkan prospek untuk mendapatkan pembiayaan bagi menyokong keperluan perniagaan semasa dan untuk masa hadapan.

Akses kepada pembiayaan untuk PKS juga telah menjadi lebih cekap hasil usaha yang diambil oleh lapan bank untuk memudahkan proses dan prosedur bagi permohonan pinjaman PKS di bawah inisiatif PARTNER yang dilancarkan oleh Persatuan Bank-Bank di Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM) pada bulan November 2010. Peningkatan utama di bawah inisiatif ini adalah penyeragaman dokumen permohonan pinjaman untuk memudahkan proses permohonan pinjaman PKS yang lebih cekap. Ini juga mempercepat penilaian kredit permohonan pinjaman daripada PKS. Sokongan tambahan juga telah disediakan untuk PKS menerusi Meja Bantuan Pembiayaan PKS yang diwujudkan di dewan perniagaan dan persatuan PKS di seluruh negara. Pada tahun 2011, seramai 122 orang jurulatih daripada 19 persatuan PKS dan dewan perniagaan di seluruh negara dilatih di bawah program ``Melatih Jurulatih´´ sebagai sebahagian usaha berterusan untuk melengkapkan Meja Bantuan bagi memberi nasihat dengan lebih baik mengenai saluran pembiayaan yang ada, faktor kredit yang penting yang dipertimbangkan oleh bank sebelum memberikan pinjaman, dan cara PKS boleh memperbaiki kedudukan kredit mereka.

(ii) Meningkatkan keupayaan sektor kewangan untuk menyokong bidang pertumbuhan baharu dan industri inovatif

Pembangunan kepakaran dalam sektor kewangan untuk menyokong bidang pertumbuhan baharu, seperti teknologi hijau, merupakan satu perkara yang amat penting dalam transformasi Malaysia kepada ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Pada masa yang sama, usaha niaga yang sedemikian perlu disokong oleh penilaian yang kukuh mengenai risiko dan daya maju projek, dan pengaturan perkongsian risiko yang wajar yang akan melindungi pendeposit daripada pengambilan risiko yang berlebihan oleh institusi perbankan. Bank telah menerajui penubuhan Jawatankuasa Tindakan Bersama (ahlinya terdiri daripada institusi kewangan, pengamal industri dan agensi kerajaan) untuk menyokong penggunaan optimum Skim Pembiayaan Teknologi Hijau RM1.5 bilion yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 2010. Pada tahun 2011, Jawatankuasa tersebut menyelesaikan beberapa isu operasi yang berkaitan dengan Skim tersebut dan memperkenalkan proses yang dipertingkatkan, termasuklah pembentangan penilaian perniagaan yang dibuat apabila memohon pembiayaan di bawah Skim untuk menyediakan platform bagi peminjam dan institusi kewangan yang terlibat dalam membuat penilaian yang lebih menyeluruh mengenai daya maju projek teknologi hijau. Inisiatif ini meningkatkan prospek untuk mendapatkan pembiayaan untuk projek di bawah Skim tersebut, seperti yang dibuktikan oleh peningkatan yang ketara dalam kualiti permohonan dan kadar kelulusan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 56% pada suku keempat tahun 2011, berbanding 41% pada suku yang sebelumnya. Dua daripada lima buah bank perdagangan asing yang baharu yang diberikan lesen untuk beroperasi di Malaysia pada tahun 2010 juga akan menyediakan sokongan dan keupayaan tambahan untuk usaha niaga pembiayaan hijau, di samping membantu Kerajaan dalam pelaksanaan projek alam sekitar yang lestari di Malaysia. Ini termasuklah inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk membangunkan perbandaran yang lestari dari segi alam sekitar di Malaysia.

(iii) Membangunkan rangka kerja pencen yang teguh untuk membolehkan isi rumah menguruskan keperluan kewangan persaraan mereka

Memandangkan profil demografi Malaysia yang kian berubah dengan penduduk yang bertambah matang pada masa hadapan, keperluan untuk meningkatkan kesediaan kewangan rakyat Malaysia bagi menghadapi

usia tua dan persaraan telah menjadi semakin penting. Usaha di peringkat kebangsaan untuk membangunkan rangka kerja pencen yang kukuh di Malaysia menjangkakan peranan yang penting untuk sektor kewangan, khususnya syarikat insurans, pengendali takaful dan institusi perbankan dalam pengantaraan dana untuk persaraan. Ini lebih nyata dengan pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan pada tahun 2011 mengenai pelepasan cukai sebanyak RM3,000 atas caruman kepada anuiti insurans dan takaful untuk tempoh selama 10 tahun mulai pada tahun 2012. Pembangunan industri pencen yang kukuh dan memberangsangkan juga akan menggalakkan sumber pendanaan yang lebih sepadan untuk memenuhi keperluan ekonomi bagi pembiayaan untuk tempoh yang lebih panjang. Bank akan terus memudahkan pembangunan penyelesaian kewangan yang kukuh, disokong oleh keupayaan pegunderaitan dan menanggung risiko oleh institusi kewangan yang akan benar-benar memenuhi keperluan kewangan pada masa tua dan persaraan.

Usaha di peringkat kebangsaan untuk membangunkan rangka kerja pencen yang kukuh di Malaysia menjangkakan peranan yang penting untuk institusi kewangan dalam pengantaraan dana untuk persaraan

MEMBANGUNKAN PASARAN KEWANGAN YANG MENDALAM DAN TEGUH

Pasaran kewangan Malaysia terus menyokong pengantaraan dana yang berkesan dan cekap untuk aktiviti ekonomi, sambil terus mempelbagaikan sumber pendanaan dalam negeri yang menyumbang kepada kestabilan kewangan. Pada tahun 2011, nilai terkumpul pasaran sekuriti hutang (awam dan swasta) terus berkembang kepada RM860.9 bilion (2010: RM782.4 bilion), atau 103.8% daripada

Rajah 2.2

Sukuk dan Sekuriti Hutang Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

KDNK. Pembiayaan menerusi pasaran sekuriti hutang syarikat dan sukuk meningkat dengan ketara untuk mencakupi 58.3% daripada jumlah terkumpul pembiayaan syarikat pada akhir tahun 2011 (2010: 46.4%) disebabkan lebih banyak perniagaan Malaysia yang menggunakan pasaran sekuriti hutang untuk pembiayaan. Terbitan sukuk mencakupi bahagian yang lebih besar (2011: 36%; 2010: 32.7%) daripada jumlah terbitan sekuriti hutang yang didorong oleh permintaan yang lebih kukuh terhadap banyak produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang inovatif.

Pada tahun 2011, Danajamin Nasional Berhad (Danajamin), yang ditubuhkan sebagai penanggung insurans jaminan kewangan Malaysia yang pertama untuk menyokong akses oleh syarikat kepada pasaran bon, meluluskan

Rajah 2.3

Terbitan Sukuk dan Sekuriti Hutang (Awam dan Swasta)



Sumber: Bank Negara Malaysia

jaminan sebanyak RM7.4 bilion kepada 25 syarikat dalam pelbagai sektor ekonomi. Daripada jaminan yang diluluskan ini, bon dan sukuk yang bernilai RM2.9 bilion telah diterbitkan. Danajamin juga telah memperkenalkan pengaturan jaminan bersama dan jaminan bersindiket dengan bank perdagangan, dengan bank perdagangan menjamin *tranche* tempoh matang yang lebih pendek, manakala Danajamin menjamin *tranche* tempoh matang yang lebih panjang. Ini telah membolehkan bank perdagangan untuk menyertai dalam jumlah terbitan bon yang lebih besar yang mempunyai struktur kematangan yang lebih panjang bagi memenuhi keperluan penerbit. Empat daripada 12 program jaminan yang disokong pada tahun 2011 melibatkan struktur yang sedemikian. Ini telah menyumbang kepada pemanjangan profil kematangan bon kepada maksimum 20 tahun, berbanding dengan 10 tahun sebelum ini.

Pasaran pertukaran asing mengalami pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2011. Urus niaga harian purata pasaran pertukaran asing berkembang sebanyak 44.2% kepada USD12.3 bilion (2010: USD8.5 bilion), mencerminkan trend pertumbuhan jangka panjang yang didorong oleh pelaburan langsung dan aliran modal portfolio merentas sempadan yang lebih tinggi. Pada bulan Mac 2011, Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM) melaksanakan masa perdagangan yang berterusan daripada 8.30 pagi hingga 5.00 petang untuk urusan langsung semua produk. Hasilnya, purata bulanan jumlah perdagangan semerta USD/MYR meningkat sebanyak 42.3% kepada USD27.1 bilion pada tahun 2011 (2010: USD19 bilion). Di samping itu, dalam pasaran kewangan Islam, beberapa instrumen kewangan baharu diterbitkan oleh Bank pada tahun 2011, menyumbang lagi kepada pasaran pertukaran asing yang lebih teguh (rujuk pada bahagian ``Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa´´).

Untuk menggalakkan kepastian undang-undang mengenai kontrak pasaran kewangan (khususnya yang berkaitan urus niaga derivatif di kaunter (over-the-counter) dan perjanjian belian balik), yang merupakan sesuatu yang penting untuk membolehkan pasaran kewangan berfungsi dengan cekap, Bank telah secara aktifnya melibatkan Persatuan Swap dan Derivatif Antarabangsa dalam rancangan untuk mengguna pakai peruntukan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 dari segi kuasa yang diberikan kepada Bank untuk melaksanakan penyelesaian yang teratur terhadap institusi kewangan yang penting dari segi sistemik. Bank akan mencadangkan pindaan perundangan pada tahun 2012 yang akan mengekalkan hak dan kewajipan kontraktual rakan niaga di bawah pengaturan *netting* dan cagaran, tertakluk kepada penangguhan sementara bagi hak penamatan awal. Ini selaras dengan sifat rejim penyelesaian yang berkesan untuk institusi kewangan yang penting dari segi sistemik seperti yang digalakkan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan yang menghendaki rangka kerja undang-undang yang berkuasa terhadap *netting* dan pencagaran supaya jelas, telus dan boleh dikuatkuasakan apabila berlakunya krisis atau penyelesaian institusi kewangan, dan pada masa yang sama, seharusnya tidak menjejaskan pelaksanaan langkah penyelesaian yang berkesan. Penjelasan mengenai peruntukan semasa dan pindaan perundangan yang akan berlaku tidak lama lagi, dijangka akan menghapuskan sebarang keraguan yang masih ada mengenai operasi kontrak pasaran kewangan dan membenarkan institusi kewangan untuk menentukan dedahan kepada rakan niaga di Malaysia di bawah kontrak yang sedemikian atas asas bersih sepenuhnya.

MENGGALAKKAN SISTEM KEWANGAN YANG INKLUSIF

Inisiatif kewangan yang inklusif di Malaysia terus dilaksanakan pada tahun 2011 dengan beberapa pencapaian utama:

- Pembiayaan terkumpul kepada usahawan mikro menerusi rangka kerja Pembiayaan Mikro meningkat sebanyak 14.3% kepada RM887.6 juta, manakala bilangan akaun kewangan mikro meningkat sebanyak 7.1% kepada 71,535.
- Kesemua 144 daerah di Malaysia kini mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan asas yang disediakan menerusi cawangan, unit perbankan bergerak bank dan institusi kewangan pembangunan (IKP) atau di bawah pengaturan perkhidmatan perbankan perkongsian dengan Pos Malaysia Berhad.
- Bank melancarkan LINK Bergerak, yang meluaskan lagi jangkauan kewangan kepada pengguna di kawasan separa bandar dan luar bandar.
- Di bawah Skim Rumah Pertamaku, pinjaman diberikan kepada 384 isi rumah yang berpendapatan sederhana di kawasan bandar sebagai bantuan untuk membeli rumah.

Walaupun Malaysia adalah antara negara yang mempunyai tahap rangkuman kewangan yang tertinggi di dunia, namun matlamat Bank bukan hanya untuk memastikan semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan, malahan juga untuk melengkapi orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan kewangan dengan berkesan dan bijak. Secara khususnya, Bank berusaha untuk memastikan isi rumah disokong sewajarnya menerusi produk kewangan yang mampu dibayar dan bersesuaian, pendidikan kewangan serta khidmat nasihat dan perkhidmatan kaunseling yang penting untuk melindungi isi rumah daripada keberhutangan yang berlebihan. Oleh itu, inisiatif yang diambil pada tahun 2011 tertumpu pada usaha untuk mendalami keperluan dan tingkah laku kewangan mereka yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan untuk dijadikan asas dalam penggubalan dasar, pelaksanaan program pendidikan yang disasarkan, serta menangani cabaran khusus yang dihadapi oleh isi rumah yang berpendapatan rendah sehinggalah yang berpendapatan sederhana di pusat-pusat bandar yang terpaksa menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat. Usaha juga terus dilaksanakan untuk meluaskan lagi akses kepada perkhidmatan kewangan pada peringkat mukim.

Dapatan Utama daripada Penunjuk Rangkuman Kewangan pada Tahun 2011

- 1.7 lokasi akses setiap 10,000 orang dewasa pada peringkat kebangsaan
- 30,355 akaun deposit setiap 10,000 orang dewasa
- 8,949 akaun pinjaman setiap 10,000 orang dewasa

* berdasarkan Set Teras Penunjuk Rangkuman Kewangan oleh Alliance for Financial Inclusion (AFI)

Hasil tinjauan yang meneliti sikap pengguna terhadap perkhidmatan kewangan juga telah memberikan input penting ke arah pembentukan strategi rangkuman kewangan. Bersama-sama dengan usaha yang telah

Pelancaran LINK Bergerak untuk Meluaskan Jangkauan Kewangan kepada Pengguna

LINK Bergerak diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Disember tahun 2011 sebagai satu saluran yang inovatif bagi pengguna di kawasan separa bandar dan kawasan luar bandar untuk berurusan dengan Bank. LINK Bergerak memberikan perkhidmatan kepada pengguna menerusi penggunaan koc yang dilengkapi dengan kemudahan serta teknologi sokongan untuk membolehkan pengguna memperoleh akses kepada maklumat mengenai perkhidmatan perbankan asas melalui kerjasama dengan institusi kewangan. Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat kredit peribadi melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, maklumat mengenai Bank Negara Malaysia melalui terminal berasaskan sesawang layan diri, serta khidmat nasihat tentang perkara berkaitan dengan kewangan lain, termasuk insurans serta hal-hal berkaitan dengan pembiayaan PKS. LINK Bergerak juga menyediakan saluran kepada Bank untuk berinteraksi secara langsung dengan pengguna dan mengumpul maklum balas mengenai dasar Bank dan isu yang mungkin dihadapi berhubung dengan akses kepada perkhidmatan kewangan. LINK Bergerak memulakan jangkauannya dengan lawatan sulungnya ke daerah Mersing, Johor dan akan meliputi kira-kira 50% daripada kawasan separa bandar yang dikenal pasti di seluruh negara antara tahun 2012 hingga tahun 2014. Fasa pertama perjalanannya akan meliputi 14 destinasi menjelang bulan Disember 2012.



No.	Daerah
1	Mersing, Johor
2	Pekan & Kuantan, Pahang
3	Jengka, Pahang
4	Dungun, Terengganu
5	Pasir Mas, Kelantan
6	Hilir Perak, Perak
7	Baling, Kedah
8	Sanglang, Perlis
9	Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang
10	Hulu Selangor, Selangor
11	Kuala Pilah, Negeri Sembilan
12	Melaka Tengah, Melaka
13	Kota Tinggi, Johor
14	Jerantut, Pahang

Gambar Rajah 2.1 Peta Laluan LINK Bergerak

disiapkan untuk memetakan lokasi akses kepada perkhidmatan kewangan yang sedia ada yang meliputi semua mukim di seluruh negara, Bank berupaya untuk menumpukan lebih usaha yang disasarkan bagi mengenal pasti kawasan yang kurang akses yang mencukupi kepada perkhidmatan kewangan yang diperlukan.

Melangkah ke hadapan, rangka kerja perbankan ejen yang menyeluruh sedang dibangunkan untuk meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan kepada peringkat mukim. Pertimbangan terhadap perlindungan pengguna akan menjadi keutamaan dalam menyampaikan penyelesaian perbankan ejen yang berterusan kepada mereka yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Oleh itu, rangka kerja itu akan menetapkan keperluan minimum untuk ejen yang layak, jenis perkhidmatan yang dibenarkan serta kewajipan bank dan ejen untuk memastikan perlindungan yang wajar untuk pengguna daripada penipuan. Ini akan disusuli dengan program kesedaran untuk mendidik pengguna supaya mengambil langkah pencegahan yang wajar untuk mengelak daripada berurusan dengan ejen yang tidak bertauliah. Logo perbankan ejen kebangsaan dan senarai induk ejen perbankan yang bertauliah juga sedang dibangunkan bagi membantu orang ramai untuk mengenali ejen-ejen ini.

Bagi menyokong keupayaan isi rumah berpendapatan sederhana yang tinggal di pusat bandar untuk memiliki rumah, Kerajaan melancarkan Skim Rumah Pertamaku pada bulan Mac 2011. Skim ini, yang dibangunkan melalui perundingan antara Bank dengan industri kewangan, membolehkan golongan muda yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah untuk membiayai 100% daripada nilai rumah mereka yang berharga tidak melebihi RM220,000 menerusi jaminan yang disediakan oleh Kerajaan (menerusi Cagamas Berhad) untuk bayaran pendahuluan rumah. Peminjam yang layak juga mesti memenuhi penilaian kredit bank mengenai kemampuan untuk mendapatkan pinjaman. Penambahbaikan yang berikutnya pada Skim tersebut yang dibuat pada tahun 2011 membenarkan pembelian rumah yang bernilai lebih tinggi sehingga RM400,000 oleh isi rumah yang mempunyai gabungan pendapatan bulanan tidak melebihi RM6,000.

Hasil Utama Tinjauan terhadap Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan

Profil Responden Tinjauan: 2,000 penduduk dewasa Malaysia berumur antara 16 hingga 64 tahun, kira-kira 54% lelaki dan 46% perempuan, 28% di kawasan luar bandar dan 72% di kawasan bandar, dengan 79% responden mempunyai pendapatan bulanan tidak melebihi RM1,500.

Kemudahan

- 80% responden menyatakan bahawa akses kepada perkhidmatan kewangan adalah mudah.
- 80% responden menyatakan bahawa stesen minyak, Mesin Teler Automatik (ATM) atau pejabat pos dalam lokasi lingkungan radius 5km daripada kawasan perumahan mereka. Pejabat pos juga merupakan saluran yang paling kerap digunakan untuk membuat pembayaran bil.
- 84% responden tidak mengetahui tentang perkhidmatan perbankan ejen.

Pilihan dan Tingkah Laku

- 92% responden tinjauan mempunyai akaun deposit, tetapi hanya 68% responden yang menabung. Secara purata, deposit dibuat sebulan sekali manakala pengeluaran dibuat dua kali sebulan.
- 89% mereka yang menabung berbuat demikian untuk perbelanjaan kecemasan.
- 60% responden menyatakan bahawa institusi kewangan merupakan sumber pinjaman yang paling menjadi pilihan.
- ATM dan cawangan bank merupakan cara memindahkan wang yang paling digemari.
- 95.3% responden tidak menggunakan perbankan mudah alih atau perbankan Internet.
- Secara purata, responden tinjauan menyatakan tahap kepuasan mereka dengan perkhidmatan kewangan pada 7.7 daripada 10, terutamanya disebabkan oleh prosedur dan akses yang mudah.

MENINGKATKAN KESALINGHUBUNGAN MALAYSIA DENGAN EKONOMI SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, integrasi kewangan Malaysia dalam rantau ini dan dengan negara lain di dunia menerusi kewangan Islam telah menjadi semakin pesat. Pada akhir tahun 2011, enam daripada lapan kumpulan perbankan Malaysia mempunyai operasi luar negeri di 19 buah negara di seluruh dunia yang sebahagian besarnya berpusat di Asia (sila rujuk Rajah 1.52 dalam Bab 1). Jumlah aset luar negeri kumpulan ini telah meningkat kepada RM264.7 bilion pada akhir tahun 2011, mencakupi 19% daripada jumlah aset, manakala pendapatan operasi yang diperoleh daripada luar negeri merangkumi 30% daripada jumlah pendapatan operasi. Peningkatan penyertaan kumpulan perbankan Malaysia di negara-negara ini memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan sistem kewangan di negara tersebut, selain mengukuhkan sokongan kepada sektor perniagaan Malaysia yang berkembang di luar negeri.

Peningkatan penyertaan kumpulan perbankan Malaysia di luar negeri memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan sistem kewangan di negara-negara ini, selain mengukuhkan sokongan kepada sektor perniagaan Malaysia yang berkembang di luar negeri

Usaha untuk mengukuhkan kesalinghubungan Malaysia dengan ekonomi serantau dan antarabangsa dilaksanakan dengan cara yang saling memberikan manfaat kepada semua pihak yang terbabit, dengan matlamat yang lebih menyeluruh, iaitu untuk meningkatkan potensi pertumbuhan keseluruhan di rantau dan menggalakkan kestabilan kewangan serantau. Sesungguhnya, sistem kewangan Malaysia juga telah mendapat manfaat daripada penyertaan institusi kewangan asing yang meningkat. Berikutan langkah liberalisasi yang diambil pada tahun 2009, tiga bank asing baharu yang diperbadankan di dalam negeri (locally-incorporated foreign banks, LIFB), sebuah Bank Islam Antarabangsa baharu dan dua pengendali takaful keluarga usaha sama yang baharu memulakan operasi di Malaysia pada tahun 2011. Memandangkan institusi kewangan ini mempunyai rangkaian global yang kukuh, penyertaan mereka dijangka akan memanfaatkan potensi yang belum diterokai dalam bidang pertumbuhan baharu seperti industri takaful, dan mengukuhkan lagi hubungan Malaysia dengan ekonomi antarabangsa serta meningkatkan kepelbagaian dalam sektor kewangan Malaysia. Institusi kewangan yang baharu ditubuhkan ini juga dijangka menjana faedah limpahan yang penting untuk negara menerusi konfigurasi semula aktiviti serantau mereka untuk memanfaatkan kelebihan berbanding Malaysia dalam bidang seperti latihan serta perkhidmatan perkongsian dan penggunaan khidmat pihak ketiga.

Untuk memudahkan penyertaan LIFB yang beroperasi dalam sektor kewangan domestik menjadi lebih bermakna, fleksibiliti pengoperasian yang lebih tinggi telah diberikan untuk membolehkan LIFB menubuhkan cawangan baharu. Bagi LIFB yang masih belum mencapai operasi yang berskala besar di Malaysia, fleksibiliti telah diberikan kepada mereka untuk menubuhkan sehingga lapan cawangan baharu di seluruh negara tanpa syarat lokasi mulai tahun 2011. Fleksibiliti ini seterusnya akan membolehkan LIFB ini untuk meningkatkan saiz operasi di Malaysia supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada segmen pelanggan sasaran dan bidang kebitaraan (niche areas), serta menyumbang kepada ekonomi Malaysia dengan lebih berkesan. Sehingga kini, dua LIFB telah memanfaatkan fleksibiliti pengoperasian yang lebih besar dan mendapat kelulusan untuk membuka tiga cawangan baharu di pusat bandar di sekitar Malaysia.

Salah satu keutamaan bagi ekonomi di rantau ini ialah pembangunan infrastruktur. Bagi menyokong keutamaan ini, sembilan negara anggota ASEAN, termasuk Malaysia, mengumpulkan sumber untuk membangunkan infrastruktur di rantau ASEAN menerusi penubuhan Dana Infrastruktur ASEAN pada bulan September 2011. Dana tersebut, yang akan berdomisil di Malaysia akan disokong oleh sumbangan ekuiti permulaan sebanyak

USD485.2 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak USD335.2 juta daripadanya akan disumbang oleh negara ASEAN dengan bakinya dibiayai oleh Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank, ADB). Dana ini akhirnya akan menerbitkan hutang mata wang asing untuk membiayai projek infrastruktur di rantau ini secara perkongsian dengan ADB dan organisasi pembangunan yang lain. Oleh itu, dana ini dijangka akan memainkan peranan yang penting dalam menggembleng dan menyalur dana serantau ke arah pelaburan yang produktif di Asia, dan membantu dalam peningkatan keluasan dan kedalaman pasaran kewangan serantau.

Pencapaian penting dalam menggalakkan integrasi kewangan serantau yang lebih meluas ialah pengesahan rangka kerja peringkat tinggi oleh bank-bank pusat di negara ASEAN bagi memajukan integrasi kewangan serantau ke arah merealisasikan wawasan Komuniti Ekonomi ASEAN. Rangka kerja itu akan memperkukuh penyelarasan dan kerjasama merentas sempadan dalam kalangan negara anggota ASEAN untuk menyokong peranan bank-bank ASEAN yang lebih dinamik dalam memacu integrasi serantau. Ia bertujuan, antara lain, untuk membina keupayaan dan menggalakkan rangka kerja pengawalseliaan yang kukuh sebagai prasyarat penting bagi pengembangan bank-bank ASEAN di rantau ini, sambil memelihara kestabilan kewangan serantau.

.

Rangka kerja peringkat tinggi telah disahkan bagi memperkukuh penyelarasan dan kerjasama merentas sempadan dalam kalangan negara anggota ASEAN untuk menyokong peranan bank ASEAN yang lebih dinamik dalam memacu integrasi serantau

Satu lagi pencapaian penting dalam kerjasama serantau telah direalisasikan melalui penubuhan pengaturan dua hala bersaling antara bank pusat di rantau ini untuk menggalakkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang lebih cekap dalam tempoh normal dan menyediakan sokongan mudah tunai kritikal dalam tempoh tertekan. Bank adalah antara bank pusat pertama mengambil inisiatif pengaturan gadaian merentas sempadan ini. Di bawah pengaturan sebegini, institusi kewangan Malaysia yang mempunyai operasi di negara asing yang merupakan pihak kepada perjanjian boleh mencagarkan sekuriti kerajaan dan bank pusat dalam denominasi ringgit kepada bank pusat berkenaan untuk kemudahan mudah tunai. Sebaliknya, bank asing yang beroperasi di Malaysia juga boleh mencagar sekuriti kerajaan dan bank pusat dalam denominasi mata wang negara tuan rumah untuk mendapat mudah tunai ringgit daripada Bank. Bank telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Monetary Authority of Singapore dan Bank of Thailand untuk melaksanakan pengaturan gadaian merentas sempadan tersebut, dan yang lain dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2012. Inisiatif ini melengkapi pengaturan yang sedang dilaksanakan untuk kerjasama kewangan di rantau yang semakin meningkat. Secara khususnya, Bank terus menyertai secara aktif dalam pengawasan serantau menerusi Jawatankuasa Kestabilan Monetari dan Kewangan Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East-Asia Pacific Central Banks, EMEAP), dan terlibat secara aktif dalam usaha semasa untuk mengukuhkan rangka kerja serantau dalam pengurusan dan penyelesaian krisis dalam kalangan negara anggota EMEAP.

MALAYSIA SEBAGAI PUSAT KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA

Malaysia terus melangkah maju sejajar dengan peralihan sistem kewangan Islam negara menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa dengan mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan meskipun ketidaktentuan dalam pasaran kewangan antarabangsa dan ekonomi global. Jumlah aset dalam sektor perbankan Islam (termasuk IKP) meningkat sebanyak 23.8% kepada RM434.6 bilion untuk merangkumi 22.4% daripada jumlah aset sistem perbankan pada akhir tahun 2011. Jumlah perniagaan mata wang asing Islam yang dikendalikan oleh Bank Islam Antarabangsa (International Islamic Bank, IIB) dan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa

Rajah 2.4

Aset, Hutang dan Deposit Mata Wang Asing Islam IIB dan ICBU



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.5

Jumlah Sukuk dalam Denominasi Dolar AS Terkumpul Global pada akhir Oktober 2011



Sumber: Global Sukuk Report 2011; Kuwait Finance House

(International Currency Business Unit, ICBU) dalam bank-bank Islam berlesen juga meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun yang lalu (Rajah 2.4). Dalam sektor takaful, jumlah aset dana takaful meningkat sebanyak 15.8% kepada RM17 bilion pada akhir tahun 2011, manakala jumlah sumbangan takaful merangkumi 13% daripada jumlah premium dan sumbangan dalam industri insurans dan takaful, meningkat daripada 12.4% pada tahun 2010. Bank-bank Islam dan pengendali takaful Malaysia turut mendapat pengiktirafan global dengan 39 institusi tersenarai antara 500 institusi kewangan Islam terbaik di dunia, dan 21 institusi berada dalam kalangan 100 institusi terbaik dalam senarai kedudukan terkini majalah The Banker yang diterbitkan pada tahun 2011. Malaysia juga terus menguasai pasaran sukuk global dan kekal sebagai destinasi pelaburan yang teratas untuk dana Islam dengan sukuk yang diterbitkan di Malaysia mencakupi 73.2% (2010: 72.5%) daripada terbitan sukuk global pada tahun 2011. Di samping itu, di luar rantau Majlis Kerjasama Teluk, Malaysia mempunyai jumlah sukuk terkumpul dalam denominasi dolar A.S. yang tertinggi (Rajah 2.5).

Bagi membangunkan sektor kewangan Islam yang menyeluruh, keutamaan telah diberikan untuk membangunkan pasaran kewangan Islam yang mendalam dan cair yang berupaya menggembleng dana dengan berkesan dan cekap, berlandaskan prinsip Syariah. Pemangkin penting bagi tujuan ini ialah inovasi dalam instrumen pasaran kewangan. Pada bulan Jun 2011, Sukuk Global Wakala berjumlah USD2 bilion telah diterbitkan oleh Wakala Global Sukuk Berhad bagi pihak Kerajaan. Sebagai sukuk kerajaan dolar AS. 10 tahun yang pertama di dunia, terbitan ini menandakan suatu pencapaian yang penting dalam pembangunan pasaran sukuk dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pelabur sehingga terbitan ini terlebih langganan sebanyak 4.5 kali. Di samping itu, tahun ini turut menyaksikan terbitan penting sukuk renminbi pertama di dunia daripada Malaysia.

Bank juga menerbitkan Nota Monetari Bank Negara-*Istithmar* pada tahun 2011 untuk meningkatkan kepelbagaian instrumen secara Islam dalam pasaran wang Islam dan menyediakan saluran tambahan untuk peserta pasaran menguruskan mudah tunai dengan lebih cekap. Dana Didagangkan di Bursa (Exchange Traded Funds, ETF) yang berlandaskan Syariah, suatu produk inovatif yang dilancarkan pada tahun 2008, mendapat pelaburan tambahan sebanyak RM200 juta dalam bentuk dana benih sebagai sebahagian daripada usaha untuk meluaskan pilihan yang tersedia untuk pelaburan dana portfolio Islam. Inisiatif ini memberikan sumbangan yang penting dalam menggalakkan pasaran kewangan Islam yang memberangsangkan dan cair bagi memenuhi kepelbagaian keperluan pelabur. Pelancaran Kadar Penanda Aras Antara Bank Islam antarabangsa yang pertama yang dibangunkan oleh Thomson Reuters secara usaha sama dengan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (Association of Islamic Banking Institutions Malaysia, AIBIM) dan institusi kewangan global utama pada bulan November 2011 terus menyokong kecekapan penentuan harga produk kewangan Islam.

Perkembangan Pesat Pengurusan Mudah Tunai dalam Kewangan Islam

Rangka kerja pengurusan mudah tunai yang teguh dan cekap adalah penting kepada pembangunan sistem kewangan Islam yang menyeluruh dan stabil. Rangka kerja seperti ini merupakan komponen penting bagi operasi institusi kewangan Islam dalam menjalankan aktiviti pendanaan dan pelaburan. Sepanjang dekad yang lalu, pengurusan mudah tunai dalam kewangan Islam telah menjadi bertambah penting dengan pertumbuhan ketara dalam deposit perbankan Islam. Pertumbuhan deposit perbankan Islam telah mengatasi perbankan konvensional sebanyak hampir tiga kali ganda, berkembang pada kadar tahunan purata 10 tahun sebanyak 17.6%, berbanding dengan 7.1% untuk deposit konvensional. Tuntutan dan cabaran yang berterusan untuk menguruskan mudah tunai dan ketakpadanan kematangan aset-liabiliti yang berkaitan secara berkesan, seperti ditunjukkan dalam Rajah 1, telah mendorong kepelbagaian usaha untuk menambah baik lagi rangka kerja pengurusan mudah tunai dalam kewangan Islam.

Langkah yang telah diperkenalkan tertumpu pada pembangunan dan pengukuhan enam komponen utama yang menyokong pengurusan mudah tunai yang lebih berkesan, iaitu: (i) memperkenalkan pelbagai instrumen mudah tunai yang berlandaskan Syariah; (ii) mewujudkan infrastruktur yang efisien untuk memudahkan terbitan instrumen kewangan Islam; (iii) menggalakkan pasaran sekunder yang aktif; (iv) memastikan rangka kerja pengawalan, penyeliaan dan Syariah yang teguh; (v) menjamin kekukuhan jaring keselamatan kewangan; dan (vi) mewujudkan dasar dan prosedur institusi yang mantap. Bagi setiap komponen ini, pencapaian penting dan usaha yang sedang dilaksanakan ditunjukkan dalam Gambar Rajah 1.

Secara kolektif, langkah ini telah menyumbang kepada kemajuan dalam pengurusan mudah tunai Islam, yang merangkumi:

- Pembangunan pasaran wang Islam yang meluas dan teguh dengan 55 peserta antara bank yang berdaftar dan jumlah perdagangan tahunan yang melebihi RM1 trilion (Rajah 2). Ini membolehkan institusi kewangan Islam mendapatkan dan menguruskan dana dengan cara yang berkesan dari segi kos.
- Saiz pasaran sukuk kerajaan dan pasaran sukuk korporat Malaysia telah bertambah sebanyak hampir tiga kali ganda daripada jumlah sebanyak RM120 bilion pada tahun 2005 kepada RM335 bilion pada tahun 2011, dengan trend menaik dalam jumlah terbitan sukuk (Rajah 3). Malaysia kekal sebagai peneraju pasaran sukuk global dengan bahagian pasaran sebanyak 60% atau USD108 bilion sukuk terkumpul pada akhir tahun 2011. Terbitan sukuk dalam denominasi mata wang asing di Malaysia juga meningkat dengan stabil, mencakupi bahagian pasaran sebanyak 14.5% daripada sukuk dalam denominasi dolar AS yang diterbitkan pada peringkat global (Rajah 4). Terbitan ini memberikan pilihan saluran pelaburan yang lebih luas kepada institusi kewangan Islam dalam menguruskan mudah tunai portfolio dan pulangan yang dijangka oleh penyedia dana.

Rajah 1

Aset Bersih Bank-bank Islam melalui Kumpulan Kontrak Matang pada akhir 2011



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2

Urus Niaga Pasaran Wang Islam Antara Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 1 Perkembangan Pesat Pengurusan Mudah Tunai dalam Kewangan Islam



Nota:

AIBIM - Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia
BMSSI - Indeks Syariah Berdaulat Bursa Malaysia AIBIM Bloomberg
BSAS - Bursa *Suq Al-Sila'*
FAST - Sistem Automatik Sepenuhnya untuk Terbitan/Tender
FSEC - Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan
GII - Terbitan Pelaburan Kerajaan
IFSB - Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam
IILM - Perbadanan Pengurusan Mudah Tunai Islam Antarabangsa
IIMM - Pasaran Wang Antara Bank Islam
PIDM - Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
RENTAS - Pemindahan Dana & Sekuriti Secara Elektronik Masa Sebenar
SAC - Majlis Penasihat Syariah
SBBA - Perjanjian Jual & Beli Semula

Rajah 3

Jumlah Terkumpul Sukuk Kerajaan dan Korporat



Sumber: Bond Pricing Agency Malaysia

Rajah 4

Jumlah Terbitan Sukuk dalam Ringgit dan Mata Wang Asing di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah pembiayaan kepada deposit bagi bank-bank Islam meningkat secara beransur-ansur dan menjadi stabil dalam julat antara 60% hingga 80% apabila kewangan Islam terus memudahkan penggemblengan tabungan yang cekap untuk membiayai aktiviti ekonomi (Rajah 5).
- Inovasi dalam kewangan Islam mendorong institusi kewangan Islam menawarkan pelbagai jenis produk deposit dan pelaburan yang berlandaskan Syariah, dengan lebih daripada 100 jenis produk dan perkhidmatan yang terdapat di Malaysia pada masa ini, memberikan pulangan yang kompetitif dan setanding dengan produk yang ditawarkan oleh institusi kewangan konvensional. Walaupun sebahagian besar sukuk di Malaysia pernah distrukturkan menggunakan kontrak berasaskan hutang, komposisi sukuk yang distrukturkan menggunakan kontrak bukan hutang seperti kontrak *ijarah*, *wakalah* dan *musyarakah* kini telah meningkat dua kali ganda daripada 12% pada tahun 2001 kepada 24% pada 31 Disember 2011 (Rajah 6). Inovasi yang berterusan ini memperluas pilihan penyelesaian Islam yang tersedia, membolehkan kewangan Islam memenuhi keperluan kewangan yang pelbagai bagi perniagaan dan pengguna.

Rangka kerja pengurusan mudah tunai dalam kewangan Islam di Malaysia kini merangkumi semua komponen yang diperlukan untuk membolehkan sistem kewangan Islam Malaysia berfungsi dengan cekap dan stabil. Melangkah ke hadapan, Malaysia dengan kerjasama Bank-bank Pusat lain, sedang berusaha ke arah menjamin infrastruktur pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang teguh dan berdaya tahan, menggalakkan pembangunan instrumen mudah tunai Islam yang diterima pada peringkat global, dan memastikan persekitaran yang kondusif untuk terbitan instrumen mata wang asing. Perbadanan Pengurusan Mudah Tunai Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) akan memainkan peranan utama dalam usaha tersebut ke arah menyokong perkembangan global kewangan Islam. Selain itu dengan pelaksanaan piawaian mudah tunai Basel III, usaha yang dilaksanakan juga akan meliputi penilaian struktur dan tempoh sumber pendanaan kewangan Islam semasa untuk mencapai asas pendanaan yang lebih stabil bagi institusi kewangan Islam.

Rajah 5

Nisbah Pembiayaan kepada Deposit Purata bagi Bank-bank Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6

Sukuk Terkumpul Mengikut Kontrak Syariah di Malaysia pada akhir tahun 2011



Sumber: Bank Negara Malaysia

Infrastruktur pasaran kewangan Islam juga telah diperkukuh untuk menggalakkan tahap ketelusan yang lebih tinggi dan meningkatkan mudah tunai produk kewangan Islam. Pada awal tahun 2011, Bloomberg melancarkan Platform Kewangan Islam di Kuala Lumpur untuk merangkumi maklumat pasaran kewangan Islam yang utama, termasuk data kewangan, analisis dan berita proprietari. Indeks Sukuk Mata Wang Asing Malaysia Bloomberg, indeks dalam denominasi bukan ringgit yang dibangunkan secara usaha sama dengan Bank, juga menjadi ukuran rujukan penting bagi prestasi sukuk. Suatu pencapaian global yang baharu akan dicapai dengan terbitan sukuk jangka pendek yang pertama oleh Perbadanan Antarabangsa Pengurusan Mudah Tunai Islam (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) pada pertengahan tahun 2012. Instrumen ini akan membantu menangani bekalan kertas jangka pendek dalam pasaran kewangan Islam, dengan itu memudahkan pengantaraan aliran kewangan merentasi sempadan yang lebih berkesan dan cekap, serta menyokong keperluan mudah tunai global apabila berlakunya krisis. Inisiatif yang diambil sejak beberapa tahun yang lalu untuk mempertingkat keseluruhan rangka kerja pengurusan mudah tunai Islam di Malaysia dihuraikan dalam rencana: `Kemajuan dalam Pengurusan Mudah Tunai Kewangan Islam´.

Bank secara aktif memudahkan kemasukan pakar kewangan Islam antarabangsa untuk melengkapkan dan memperkaya kumpulan tenaga mahir kewangan Islam di Malaysia

Dengan kemajuan yang pesat dalam pembangunan kewangan Islam, keutamaan yang penting adalah untuk memenuhi permintaan terhadap tenaga mahir bagi menyokong kemampanan pertumbuhan dan pembangunan kewangan Islam di Malaysia serta pada peringkat global. Inisiatif tertumpu pada usaha mengatasi kekurangan tenaga mahir yang sedang dihadapi, dan membangunkan kumpulan tenaga mahir secara berterusan untuk masa hadapan. Sehubungan dengan itu, Bank secara aktif memudahkan kemasukan pakar kewangan Islam antarabangsa untuk melengkapkan dan memperkaya kumpulan tenaga mahir kewangan Islam di Malaysia. Sepanjang tahun 2011, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) menambah sebanyak 159 orang Profesional Kewangan Islam Bertauliah (Chartered Islamic Finance Professional) kepada kumpulan tenaga mahir. Pada masa ini, kira-kira 2,000 pelajar daripada lebih 70 buah negara menyertai pelbagai program kewangan Islam, termasuk program pascasiswazah. Jangkauan dan kepentingan global INCEIF turut dimantapkan dengan penubuhan perikatan strategik dengan 10 buah negara dari Timur Tengah, Asia, Eropah dan Afrika.

Bagi tenaga mahir industri yang sedia ada, pelan hala tuju latihan telah dibangunkan oleh Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, IBFIM). Rangka Kerja Kelayakan Kewangan Islam dan Laluan Kemajuan, yang dibentuk menerusi kerjasama dengan Bank dan industri kewangan, mengisi jurang penting dalam program dan pendekatan latihan yang berstruktur dan padu untuk industri. Ia menyokong laluan latihan yang progresif untuk profesional industri dalam kewangan Islam yang mencerminkan permintaan perniagaan pada tahap dan peranan kerjaya yang berbeza dalam industri, dengan itu membolehkan individu dan institusi untuk merancang inisiatif latihan dengan lebih baik melalui cara yang akan memberikan kesan yang diingini terhadap prestasi.

Sebagai sebahagian usaha untuk menggalakkan dialog dan wacana global dengan lebih mendalam tentang konsep Syariah dalam kewangan Islam, Malaysia dan Indonesia menyertai Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara yang ke-5, yang menerokai prospek dan cabaran dalam memperluas penggunaan pembiayaan yang berasaskan ekuiti dalam kewangan Islam. Malaysia juga menjadi tuan rumah Forum Cendekiawan Syariah Antarabangsa yang ke-6, yang memutuskan untuk mengendalikan penyelidikan gunaan bagi meneliti pelbagai aspek sistem kewangan semasa yang boleh dijajarkan bagi mencapai objektif Syariah (*maqasid*). Bank juga menjalin perikatan strategik dengan komuniti kewangan dan perniagaan dari Turki dan Indonesia untuk menggalakkan peluang pelaburan merentas sempadan dan mempertingkat kerjasama dalam bidang pembangunan produk, pembiayaan perdagangan dan pengurusan mudah tunai. Usaha ini akan terus mengeratkan kesalinghubungan Malaysia dengan ekonomi antarabangsa melalui kewangan Islam.

Inisiatif untuk membantu mempromosi Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa juga diteruskan atas nama MIFC pada tahun 2011, dengan kemunculan Malaysia sebagai destinasi penting untuk acara yang berkaitan dengan kewangan Islam antarabangsa, termasuk seminar, persidangan dan program latihan.

MEMPERTINGKAT PENDIDIKAN DAN PERLINDUNGAN PENGGUNA

Pengguna mempunyai peranan penting dalam menggalakkan aktiviti pengantaraan kewangan yang berkesan, cekap dan bertanggungjawab menerusi disiplin yang boleh dikenakan oleh mereka terhadap pengantara kewangan. Oleh itu, membantu pengguna menilai pilihan kewangan dan memahami akibat keputusan kewangan yang mereka ambil merupakan komponen strategi yang penting untuk memberikan kesan yang lebih baik bagi pengguna dan menyumbang ke arah pembinaan pasaran yang stabil dan berdaya saing untuk perkhidmatan kewangan di Malaysia.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kempen kesedaran yang berterusan oleh Bank dan industri kewangan, berserta penzahiran yang lebih baik tentang produk dan perkhidmatan kewangan, telah menyumbang kepada peningkatan yang ketara dalam tahap penglibatan pengguna tentang hal ehwal kewangan. Ini dicerminkan dalam peningkatan bilangan pengguna kewangan yang menggunakan pelbagai saluran yang disediakan oleh Bank dan industri untuk mendapatkan maklumat, nasihat dan bantuan penyelesaian kewangan. Pusat Perhubungan Bersepadu Bank menerima 320,028 pertanyaan daripada individu dan perniagaan pada tahun 2011 berbanding dengan 284,020 pertanyaan pada tahun 2010, dan 29,004 pertanyaan lima tahun yang lalu. Pusat ini juga menangani 9,975 aduan terhadap institusi kewangan dan berjaya membantu menyelesaikan lebih 90% daripada kes tersebut. Tinjauan di seluruh negara yang dilaksanakan oleh Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (Organisation of Economic Co-operation and Development, OECD) tentang tingkah laku dan pengetahuan kewangan isi rumah di Malaysia dalam pengurusan wang menunjukkan bahawa tahap celik kewangan di Malaysia setanding dengan tahap celik kewangan dalam ekonomi maju. Tinjauan itu juga menunjukkan korelasi positif yang kukuh antara tahap celik kewangan dengan tahap pendidikan. Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia secara bandingan didapati mempunyai pemahaman yang agak rendah tentang pengurusan risiko kewangan. Hasil tinjauan ini dan hasil tinjauan yang lain memberikan maklumat yang berguna untuk meningkatkan keupayaan kewangan pengguna Malaysia.

Salah satu keutamaan ini adalah untuk membina asas keupayaan kewangan pada peringkat umur yang awal. Sepanjang tahun 2011, Bank bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menerapkan pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah yang formal bagi memberikan pendedahan awal mengenai pengetahuan kewangan dan menggalakkan nilai kewangan yang bertanggungjawab. Matlamatnya adalah untuk mempertingkat pendidikan kewangan dengan cara yang boleh difahami oleh pelajar sepanjang mereka melalui alam persekolahan sehingga pendidikan tinggi serta membolehkan mereka mengekalkan pengetahuan dan pemahaman tentang urusan kewangan dalam menguruskan hal ehwal kewangan mereka semasa mereka dewasa kelak. Sebahagian besar kerja asas telah dilaksanakan untuk memasukkan disiplin pengurusan wang yang asas seperti menyimpan dan melabur, berbelanja, pengurusan kredit dan hutang, pengurusan risiko kewangan serta tanggungjawab pengguna dalam subjek teras terpilih yang diajar pada peringkat

Hasil Utama Tinjauan Rintis OECD Tentang Celik Kewangan

- Tahap celik kewangan ialah 11% lebih tinggi di kawasan tengah (Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan) berbanding dengan keseluruhan populasi.
- Perbezaan yang tidak ketara dalam celik kewangan antara jantina dengan kaum.
- Membuat keputusan kewangan bersama pasangan merupakan amalan lazim.
- Rakyat Malaysia cenderung untuk berhati-hati apabila berbelanja dan menyedari keperluan menyimpan untuk masa hadapan.
- Rakyat Malaysia memahami timbal balik antara risiko dengan pulangan tetapi mereka kurang biasa dengan konsep pempelbagaian atau penyebaran/pengurangan risiko.

sekolah rendah dan sekolah menengah, secara berperingkat mulai tahun 2014. Langkah ini disusuli dengan bengkel persediaan yang dianjurkan untuk guru dengan sokongan institusi kewangan dan persatuan industri bagi meningkatkan pengetahuan mereka dalam urusan kewangan bagi membolehkan mereka menjadi peneraju dalam subjek tersebut.

Program POWER! yang diperkenalkan pada tahun 2011 untuk golongan muda dan peminjam kali pertama telah meninggalkan kesan yang ketara dalam mendekati peminjam di Malaysia untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran kewangan secara praktikal dan alat untuk membantu mereka membuat keputusan meminjam yang bijak dan bertanggungjawab. Pada tahun 2011, 23,000 individu di seluruh negara menyertai jerayawara, kelas dan seminar yang dianjurkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Portal Pembelajaran dalam Talian POWER!, sebuah modul pembelajaran alternatif berasaskan sesawang yang dilancarkan pada bulan November 2011 akan meluaskan lagi capaian Program POWER! dan menggalakkan aplikasi pengajaran yang dipelajari menerusi akses kepada peralatan interaktif, termasuk perancangan belanjawan dan kalkulator kewangan untuk membantu pengguna menguruskan kewangan mereka. Melangkah ke hadapan, rancangan sedang dilaksanakan untuk melanjutkan inisiatif POWER! bagi menangani keutamaan pendidikan kewangan yang khusus untuk kumpulan pengguna yang disasarkan.

Bank terus berusaha mendekati pengguna melalui Minggu Kesedaran Kewangan 2011 (M2K 2011) yang dianjurkan bersama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Biro Pengantaraan Kewangan, AKPK, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan institusi kewangan. Acara ini menarik lebih 10,000 pengunjung yang menghadiri pelbagai taklimat pendidikan, aktiviti, pameran dan klinik kewangan yang disediakan. Bersempena M2K 2011, Bank juga melancarkan laman sesawang pendidikan kewangan baharu, iaitu *Islamicfinanceinfo,* yang memaparkan maklumat tentang kewangan Islam seperti konsep Syariah dan produk yang boleh didapati dalam pasaran kewangan runcit Islam untuk memudahkan pemahaman pengguna tentang produk dan perkhidmatan kewangan Islam serta membantu dalam membuat keputusan.

PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR DALAM SEKTOR KEWANGAN

Pembangunan tenaga mahir untuk sektor kewangan terus memberikan cabaran yang besar kepada industri disebabkan permintaan yang masih terus melebihi bekalan. Dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang, keadaan ini boleh menambahkan tekanan terhadap gaji dan menjejaskan keupayaan institusi kewangan untuk mengekalkan kedudukan yang berdaya saing dan mengawal risiko dengan berkesan. Lantaran itu, pelaburan besar telah dibuat oleh Bank untuk menyokong pembangunan tenaga mahir yang berkualiti tinggi untuk sektor kewangan, merentas semua peringkat, daripada peringkat kemasukan hingga jawatan kepimpinan.

FSTEP mencapai kadar kejayaan luar biasa dengan hampir semua pesertanya diserap dalam pekerjaan tetap dengan cepat oleh institusi kewangan

Sejak pelaksanaannya pada tahun 2007, Program Meningkatkan Tenaga Mahir Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme, FSTEP) yang dibangunkan oleh Bank dengan usaha sama industri kewangan telah menyediakan lebih daripada 1,000 siswazah baharu untuk kerjaya dalam sektor kewangan. FSTEP mencapai kadar kejayaan luar biasa dengan hampir semua pesertanya diserap dalam pekerjaan tetap dengan cepat oleh institusi kewangan. Program ini dipertingkat lagi pada bulan Februari 2011 dengan menggabungkan pelbagai bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman yang lebih pelbagai melalui penggunaan kajian kes, lakon peranan dan simulasi, di samping penempatan amali dengan institusi kewangan. Mencerminkan kejayaan ini, lebih banyak institusi kewangan memilih untuk membiayai peserta FSTEP sebagai strategi pilihan untuk merekrut dan melatih kakitangan peringkat kemasukan, lantas mengesahkan nilai dan kualiti program ini dalam menyediakan siswazah untuk pekerjaan dalam sektor kewangan.

Bagi profesional yang sedang bekerja dalam industri kewangan, Institut Kewangan Asia

(Asian Institute of Finance, AIF) dan institusi bersekutunya, iaitu Institut Bank-bank Malaysia (IBBM), Institut Insurans Malaysia (Malaysian Insurance Institute, MII) serta IBFIM, mempunyai peranan penting untuk membina dan mengukuhkan kecekapan teras bagi memenuhi tuntutan baharu landskap kewangan yang cepat berubah dan lebih kompleks. Pusat Pengurusan Risiko serta Pusat Penyelidikan dan Penerbitan Kewangan Gunaan yang ditubuhkan oleh AIF pada tahun 2010 telah membangunkan dan memperkenalkan sembilan program bertujuan untuk menyokong peningkatan yang berterusan dalam keupayaan pengurusan risiko dalam sektor perbankan konvensional, perbankan Islam, insurans, takaful dan pasaran modal, bagi menangani risiko baharu dan yang baru muncul. Ini diperkukuh lagi dengan inisiatif penyelidikan dalam pengurusan risiko yang dimulakan oleh AIF yang akan memberikan input untuk menaik taraf dan mempertingkat kualiti program untuk jangka masa seterusnya. Pada tahun 2011, AIF juga menubuhkan Pusat Rangkuman Kewangan untuk membangunkan program latihan dalam pembiayaan mikro. Pusat ini bakal melancarkan program pertamanya pada tahun 2012 yang akan menumpukan kepada kepimpinan dan kemahiran teknikal yang diperlukan bagi menguruskan operasi kewangan mikro dengan jayanya. Penerapan piawaian Rangka Kerja Penilaian dan Akreditasi Program Pembelajaran AIF kepada program yang ditawarkan oleh institusi bersekutunya telah menyumbang ke arah mempertingkat kualiti dan relevannya keseluruhan program latihan yang ditawarkan kepada industri. Mulai tahun 2011, semua program yang ditawarkan oleh institusi bersekutu AIF mesti memenuhi dan dinilai secara bebas terhadap piawaian yang ditetapkan di bawah Rangka Kerja itu. Penglibatan pengamal industri yang terlatih dan berpengalaman dalam penilaian program latihan industri telah menjadi faktor penyumbang yang penting dalam menghasilkan peningkatan yang ketara dalam kualiti latihan yang disediakan untuk industri.

Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif (Iclif) meneruskan usaha untuk membina keupayaan kepimpinan dan tadbir urus yang kukuh dalam melahirkan pemimpin bertaraf dunia, khususnya dalam industri kewangan. Pada tahun 2011, Iclif terus meluaskan kepelbagaian latihan yang ditawarkan bagi menangani cabaran kepimpinan dan organisasi yang kritikal dalam perniagaan dan kewangan moden. Memandangkan keadaan cabaran ini yang seringkali unik, permintaan terhadap khidmat nasihat Iclif, yang disokong oleh pakar-pakar daripada institusi terkemuka di dunia, juga meningkat. Iclif juga terus menyokong pendidikan berterusan bagi pengarah institusi kewangan melalui program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE). Program ini terus memberikan impak yang terbukti dalam menggalakkan lebih banyak lembaga pengarah yang efektif dalam sektor kewangan. Maklumat lanjut mengenai FIDE terdapat dalam Bab 3: Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan di bawah tajuk ``Tadbir Urus Korporat´´. Melangkah ke hadapan, Iclif juga akan menerbitkan penyelidikan proprietari mengenai kepimpinan dan tadbir urus, yang berfokuskan Asia dengan perspektif global.

Cadangan Rangka Kerja Perundangan Baharu untuk Pengawalan dan Penyeliaan Kewangan

Pada tahun 2011, Bank telah menyiapkan kajian semula yang menyeluruh terhadap undang-undang pengawalseliaan sedia ada yang mengawal selia institusi kewangan, pasaran dan sistem pembayaran di bawah kawal selia Bank. Kajian semula itu berlandaskan asas untuk menggalakkan kestabilan kewangan yang terkandung dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009, dan secara khususnya, mengetengahkan cadangan untuk menyokong tiga fungsi utama Bank di bawah Akta tersebut – mengawal dan menyelia institusi kewangan di bawah kawal selia Bank, mengawasi pasaran kewangan dan pasaran pertukaran asing, serta melaksanakan pengawasan terhadap sistem pembayaran.

Kajian semula yang dijalankan bertujuan untuk memastikan undang-undang pengawalseliaan terus bersifat semasa dan berkesan untuk membolehkan Bank melaksanakan mandat pengawalan dan penyeliaan bagi memelihara kestabilan sistem kewangan, dan pada masa yang sama mengakui perbezaan penting antara industri dan institusi yang dikawal selia. Bank memanfaatkan pengalaman luasnya dalam pengawalseliaan sektor kewangan dan resolusi institusi kewangan, serta pengajaran dan saranan daripada krisis kewangan global yang dijadikan input bagi kajian semula itu. Kajian semula tersebut tertumpu pada hasil utama berikut:

- Meminimumkan peluang untuk arbitraj pengawalseliaan dengan pendekatan yang konsisten dalam menangani risiko yang serupa dalam sistem kewangan, tanpa mengira dari mana asalnya risiko itu. Selaras dengan ini, perubahan yang dicadangkan juga bertujuan untuk menangani kekurangan yang masih terdapat dalam perundangan dari segi pengawasan amalan perniagaan, penyeliaan seluruh kumpulan, serta institusi kewangan yang penting dari segi sistemik yang pada masa ini tidak tertakluk kepada penyeliaan kehematan.
- Pengawalan dan penyeliaan harus sepadan dengan risiko yang ditimbulkan oleh institusi dan pasaran yang dikawal selia.
- Bank harus berupaya mengambil tindakan awal untuk menghindarkan kegagalan, termasuk mempunyai fleksibiliti yang sewajarnya bagi mempengaruhi dan membetulkan amalan pasaran yang tidak berhemat tepat pada masanya apabila keadaan berubah.
- Apabila berlaku kegagalan, Bank harus mempunyai alat yang diperlukan untuk meminimumkan kerugian kepada pendeposit dan pemegang polisi, serta kos kepada keseluruhan sistem kewangan.
- Mandat penyeliaan yang dipertanggungjawabkan kepada Bank perlu jelas, serta perlu wujud tahap ketelusan yang sewajarnya dalam pelaksanaan mandat tersebut oleh Bank.

Titik permulaan kajian semula ini ialah cadangan penyatuan dan rasionalisasi terhadap undang-undang pengawalseliaan sedia ada untuk menghasilkan rangka kerja perundangan yang lebih bersepadu. Dwirangka kerja perundangan akan dikekalkan bagi perniagaan kewangan konvensional dan kewangan Islam selaras dengan dwisistem kewangan di Malaysia. Dalam dwirangka kerja ini, penyeliaan kehematan dan amalan pasaran institusi dan pasaran di bawah kawal selia Bank akan disepadukan di bawah perundangan baharu yang dicadangkan bertujuan untuk menggantikan Akta sedia ada, iaitu Akta Perbankan dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Perbankan Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Berikut ialah saranan utama lain hasil daripada kajian semula tersebut.

Matlamat Pengawalseliaan yang Jelas

Dalam merealisasikan matlamat utama Bank untuk memelihara kestabilan kewangan, perundangan yang dicadangkan bertujuan menjelaskan kebertanggungjawaban Bank. Ini membolehkan sumber diagihkan kepada tanggungjawab utamanya, sementara mengimbangi dengan teliti hasil pengawalan dan penyeliaan yang mendorong keutamaan Bank. Ia juga dapat mengenal pasti bidang yang penyelarasan dengan pihak berkuasa lain adalah penting. Perundangan yang dicadangkan dengan itu mempunyai matlamat untuk mencerminkan komitmen semasa Bank untuk memupuk: (i) keselamatan dan keteguhan institusi kewangan; (ii) pasaran wang dan pasaran pertukaran asing yang berintegriti dan berfungsi dengan teratur; (iii) sistem pembayaran dan instrumen pembayaran

yang diyakini, selamat dan cekap; serta (iv) amalan perniagaan institusi kewangan yang saksama, bertanggungjawab dan profesional. Ini akan memberikan kejelasan terhadap pematuhan prinsip teras antarabangsa mengenai penyeliaan perbankan dan insurans yang berkesan, yang memerlukan mandat dan tanggungjawab pengawal selia diperuntukkan dengan jelas dalam perundangan.

Tahap Pengawalan dan Penyeliaan yang Berbeza

Di bawah pendekatan penyeliaan berasaskan risiko, skop dan liputan keperluan pengawalseliaan, serta tahap penyeliaan yang diterapkan kepada institusi dan pasaran di bawah kawal selia Bank dibezakan berdasarkan tahap risiko sistemik yang ditimbulkan oleh institusi atau pasaran tersebut. Risiko sistemik merujuk kepada kemungkinan kegagalan sesebuah institusi atau pasaran yang menyebabkan gangguan terhadap proses pengantaraan kewangan, perjalanan pasaran utama yang teratur, atau mencetuskan kehilangan keyakinan umum terhadap sistem kewangan. Selaras dengan pendekatan ini, kajian semula ini bertujuan memberikan perbezaan yang lebih jelas dalam perundangan, khususnya menerusi rangka kerja yang berbeza seperti yang dihuraikan di bawah, untuk menggalakkan rejim yang lebih telus dan bertanggungjawab. Dalam rejim ini, kuasa yang diberikan kepada Bank adalah setimpal dengan keperluan kepada kuasa tersebut untuk mencapai mandat Bank yang diperuntukkan dalam perundangan.

	Rejim yang bersesuaian (cadangan)	**Tahap Pengawalan dan Penyeliaan**
• Institusi perbankan • Penanggung insurans • Pengendali takaful	Pelesenan	Tertakluk kepada keperluan kehematan, amalan perniagaan dan perlindungan pengguna yang menyeluruh.
• Sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik	Penetapan	Tertakluk kepada keperluan untuk memastikan keselamatan, kecekapan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran yang ditetapkan.
• Broker insurans/takaful • Broker wang • Penasihat kewangan • Pengendali sistem pembayaran • Penerbit instrumen pembayaran yang ditetapkan	Kelulusan	Tertakluk terutamanya kepada keperluan amalan perniagaan dan perlindungan pengguna.
• Ajuster kerugian untuk tuntutan insurans atau takaful • Penyedia perkhidmatan pemerolehan perniagaan (merchant acquiring services) berhubung dengan sistem pembayaran	Pendaftaran	Pengawasan tertumpu terutamanya pada usaha menggalakkan amalan profesional dalam aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan yang dilesenkan atau diluluskan.

Ketelusan Kriteria Penilaian untuk Kebenaran Menjalankan Perniagaan Kewangan dan Kesesuaian Pemegang Saham

Aspek utama sistem pengawalseliaan kewangan yang teguh ialah proses yang rapi bagi membenarkan institusi menjalankan perniagaan kewangan yang dikawal selia, termasuk penilaian terhadap pemegang saham yang mempunyai kepentingan yang ketara serta pengawal mereka. Bank bercadang meningkatkan ketelusan proses ini dan memperkukuh integriti rangka kerja pengawalseliaan dengan menentukan faktor yang perlu diteliti oleh Bank apabila membenarkan institusi memasuki sektor kewangan. Ini juga bertujuan untuk menangani terlebih dahulu kebimbangan terhadap struktur yang kompleks dan insentif atau keadaan yang menggalakkan pengambilan risiko secara berlebih-lebihan yang boleh menyukarkan dengan ketara keberkesanan penyeliaan institusi kewangan. Oleh itu, selain kekuatan kewangan dan rekod prestasi perniagaan institusi, faktor yang dicadangkan, termasuk pertimbangan sama ada

institusi itu boleh menunjukkan perancangan perniagaan yang kukuh dan realistik bagi operasinya, sejauh mana struktur korporatnya boleh menghalang pengawalan dan penyeliaan yang berkesan, serta keupayaannya untuk mengubah struktur atau keadaan pasaran melalui cara yang boleh meningkatkan risiko kepada kestabilan kewangan.

Peruntukan bagi Pengawasan Terhadap Institusi yang Tidak Dikawal Selia
Tumpuan reformasi kewangan ekoran daripada krisis kewangan global adalah terhadap kebimbangan bahawa liputan penyeliaan kehematan adalah terlalu terhad. Ini telah mendorong tuntutan supaya rejim pengawalseliaan mempertimbangkan dengan sewajarnya risiko sistemik yang boleh timbul daripada interaksi antara institusi, aktiviti dan pasaran yang dikawal selia dengan yang tidak dikawal selia. Akta Bank Negara Malaysia 2009 membenarkan Bank untuk mendapatkan maklumat mengenai institusi yang penting dari segi sistemik, dan apabila perlu, mengarahkan institusi yang tidak dikawal selia oleh Bank untuk mengambil langkah khusus bagi menghindarkan risiko kepada kestabilan kewangan secara keseluruhan. Kuasa penting ini bertujuan untuk menggalakkan kestabilan kewangan, dan juga bersifat pembetulan sebagai tindak balas terhadap risiko tertentu kepada kestabilan kewangan. Kini wujudnya kesepakatan yang meluas, termasuk daripada Lembaga Kestabilan Kewangan, tentang perlunya institusi bukan bank yang mempunyai aktiviti pengantaraan kewangan yang ketara, atau yang berhubung rapat dengan sistem perbankan, untuk diletakkan di bawah suatu sistem pengawasan kehematan yang berterusan bagi meminimumkan sebarang arbitraj pengawalseliaan dan menggalakkan amalan yang wajar bagi kestabilan kewangan. Berdasarkan rasional ini, maka disarankan supaya Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk meletakkan institusi yang terlibat dengan aktiviti pengantaraan kewangan di bawah pengawalan dan penyeliaan yang berterusan jika didapati institusi tersebut menimbulkan atau mungkin menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan secara keseluruhan.

Meningkatkan Fokus Terhadap Amalan Perniagaan dan Perlindungan Pengguna
Meskipun undang-undang pengawalseliaan semasa mengenakan obligasi yang jelas supaya institusi kewangan mematuhi preskripsi pengawalseliaan kehematan yang menggalakkan keselamatan dan keteguhan, namun obligasi untuk mematuhi keperluan amalan perniagaan adalah kurang jelas. Ini telah sedikit sebanyak mengehadkan tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil oleh Bank, termasuk tindakan awam bagi menangani kebimbangan terhadap amalan perniagaan. Perundangan yang dicadangkan bertujuan untuk menangani kekurangan ini dengan tiga cara utama: (i) memberi Bank mandat yang jelas bagi perlindungan pengguna berhubung dengan amalan penyedia perkhidmatan kewangan yang dikawal selia oleh Bank; (ii) menjelaskan obligasi penyedia perkhidmatan kewangan untuk mematuhi standard amalan perniagaan, dan melengkapi Bank dengan alat yang berkesan untuk menguatkuasakan standard tersebut; serta (iii) mengukuhkan pengaturan yang sedia ada untuk penyelesaian pertikaian pengguna menerusi skim ombudsman kewangan yang mendapat kelulusan dan pengawasan daripada Bank bagi penyelesaian pertikaian yang membabitkan penyedia perkhidmatan kewangan di bawah kawal selia Bank. Walau bagaimanapun, ini tidak akan mengubah pengaturan yang sedia ada berhubung dengan amalan pasaran bank pelaburan yang kini di bawah skop Suruhanjaya Sekuriti.

Fleksibiliti untuk Menentukan Piawaian Kehematan dan Amalan Perniagaan
Selaras dengan tahap pengawalan dan penyeliaan yang berbeza, penting bagi Bank berupaya untuk: (i) menentukan piawaian kehematan dan amalan perniagaan yang boleh dibeza-bezakan antara institusi yang dikawal selia atau kategori institusi yang dikawal selia mengikut profil risiko masing-masing; dan (ii) menyesuaikan piawaian tersebut mengikut peredaran masa apabila keadaan memerlukan, untuk menangani risiko baharu atau yang bakal dihadapi. Cadangan ini juga berupaya menghasilkan peningkatan kecekapan yang penting dengan membenarkan Bank memberikan fleksibiliti yang wajar kepada institusi untuk menguruskan perniagaan mereka dengan cara yang paling optimum apabila risiko diuruskan dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, saranan yang khusus telah dibuat untuk menyusun semula keperluan yang sedia ada dan memperkenalkan peruntukan baharu yang akan menyokong fleksibiliti ini. Peruntukan tersebut termasuk tanggungjawab khusus yang diberikan kepada lembaga pengarah untuk mengawasi strategi risiko dan kawalan dalaman institusi kewangan bagi menggalakkan daya maju jangka panjang institusi dan urusan yang saksama terhadap pengguna.

Fokus yang Lebih Teliti Terhadap Pematuhan dan Tadbir Urus Syariah dalam Sektor Kewangan Islam

Dalam dwisistem kewangan yang terdapat produk kewangan konvensional dan produk kewangan Islam ditawarkan selari, aspek penting dalam rangka kerja pengawalseliaan ialah aturan dan peraturan yang konsisten merentas kedua-dua sektor bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya arbitraj pengawalseliaan. Pada masa yang sama, terdapat keperluan untuk mencerminkan perbezaan asas dalam ciri risiko yang sedia ada dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Perundangan baharu yang dicadangkan untuk kewangan Islam bertujuan untuk memperuntuk dengan lebih jelas mengenai pematuhan Syariah dan pelaksanaan tadbir urus Syariah yang berkesan oleh institusi kewangan Islam, seterusnya memastikan rangka kerja pengawalseliaan yang padu. Antara lain, peruntukan yang dicadangkan telah diketengahkan untuk membenarkan Bank menentukan piawaian mengenai perkara Syariah, termasuk mengenai tadbir urus Syariah, prinsip dan amalan Syariah yang berkaitan dengan perniagaan dan hal ehwal institusi Islam, serta keperluan untuk pematuhan Syariah diaudit. Selaras dengan keperluan Syariah, undang-undang baharu yang dicadangkan juga akan menjelaskan proses dan keutamaan pembayaran apabila berlakunya pembubaran institusi kewangan yang menjalankan perniagaan kewangan Islam.

Peningkatan Kuasa untuk Menyelia Kumpulan Kewangan Berasaskan Kumpulan

Keberkesanan menyelia kumpulan kewangan merupakan salah satu daripada kewajipan penting agenda reformasi pengawalseliaan selepas dilanda krisis kewangan global. Matlamat kehematan utama penyeliaan kumpulan adalah untuk meminimumkan risiko penularan daripada operasi kumpulan yang akan menjejaskan keselamatan dan keteguhan institusi yang dikawal selia dalam sesuatu kumpulan. Meskipun perundangan dan amalan semasa menyokong penyeliaan secara individu institusi yang dikawal selia namun rangka kerja bagi penyeliaan kumpulan kewangan adalah tidak semaju itu. Untuk menyokong usaha semasa Bank dalam menyediakan pengaturan formal yang bersesuaian termasuk keperluan kehematan untuk penyeliaan kumpulan kewangan, perundangan baharu yang dicadangkan bertujuan memberikan mandat yang jelas untuk Bank melaksanakan pengawasan terhadap kumpulan kewangan yang mempunyai satu atau lebih daripada satu institusi yang berlesen dalam kumpulan mereka. Ini termasuk kuasa untuk Bank memberikan kelulusan secara formal kepada syarikat pemegangan kewangan, mendapatkan maklumat mengenai mana-mana entiti dalam kumpulan itu dan memeriksa entiti tersebut, menerapkan piawaian kehematan yang bersesuaian kepada syarikat pemegangan atau anak syarikat yang lain, dan menghendaki supaya langkah pembetulan diambil bagi mengurangkan sebarang risiko yang dikenal pasti terhadap institusi yang berlesen atau kumpulan kewangan itu. Kuasa sedemikian akan disokong dengan peningkatan peruntukan untuk Bank bekerjasama dengan pihak berkuasa penyeliaan yang lain, di dalam dan di luar negara, dalam bidang yang meliputi perkongsian maklumat penyeliaan dan pelaksanaan pemeriksaan.

Peningkatan Intervensi Penyeliaan

Perkara penting dalam pendekatan penyeliaan semasa Bank adalah untuk mengenal pasti risiko pada peringkat awal, serta proses yang teguh untuk meningkatkan tahap intervensi penyeliaan secara berperingkat. Bagi mencerminkan pendekatan ini, perubahan perundangan yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengukuhkan keupayaan Bank melaksanakan intervensi pada peringkat awal. Cadangan itu bertujuan untuk meluaskan rangkaian alat penyeliaan yang ada pada Bank untuk menangani masalah, dan membenarkan pendekatan yang berbeza diambil dalam keadaan apabila masalah sesuatu institusi tidak begitu serius dan pengurusannya memberikan kerjasama, berbanding dengan keadaan yang memerlukan tindakan yang lebih formal dengan penalti yang berat kerana ketakpatuhan. Ini selaras dengan usaha menggalakkan langkah penyeliaan yang setimpal. Cadangan termasuk peningkatan peruntukan bagi membolehkan Bank mengarahkan sesebuah institusi mengambil tindakan pemulihan yang khusus bagi menangani kebimbangan Bank, serta keupayaan untuk menguatkuasakan komitmen oleh sesebuah institusi untuk melaksanakan langkah yang bertujuan untuk mengekalkan keselamatan dan keteguhan institusi tersebut. Peningkatan intervensi penyeliaan juga dicadangkan untuk diperkukuh dengan rangka kerja penalti baharu yang akan meliputi, selain hukuman jenayah, keupayaan untuk Bank mengenakan penalti pentadbiran monetari atau bukan monetari dan mengambil tindakan sivil, seterusnya membenarkan tindakan penguatkuasaan yang lebih wajar yang selaras dengan jenis dan tahap keseriusan ketakpatuhan.